akan mengikut haluan yang sama, dan keterangan yang dicatitkan adalah yang sama. Seterusnya, sekiranya tuduhan gantian adalah satu daripada tuduhan-tuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh atau adalah suatu tuduhan pilihanlain keterangan pendakwaan akan mencukupi untuk memuaskan unsur-unsur yang menjadikan tuduhan itu dan keterangan tertuduh mesti telah tidak berubah secara banyak, iaitu pembelaan tertuduh adalah yang sama.

Kami segera memperhatikan bahawa kami tidak menyentuh persoalan pemindahan tuduhan oleh seorang hakim dalam rayuan. Jadi, kami anggap tidak perlu membincang kes *Yoong Yock Pin* lwn. *P.P.*[4] Berkenaan dengan ini kami tidak berpendapat seksyen 158 dan s. 162 Kanun Acara Jenayah yang telah dirujuk dalam persoalan sebagai berkaitan dengan penyelesaian persoalan ini. Seksyen 158 mengenai kuasa Mahkamah untuk mengubah atau menambah kepada mana-mana tuduhan pada bila-bila masa sebelum penghakiman diberi dan dengan itu tidak boleh pakai kepada isu yang ada pada kita yang pada asasnya berkaitan dengan dan mengenai persoalan kuasa Mahkamah Tinggi menggunakan bidangkuasa rayuannya. S. 162 ialah peruntukan berikutan mengenai pemanggilan-semula saksa-saksi setelah suatu pemindaan tuduhan diadakan.

Memandangkan begitu kami berpendapat bahawa walaupun suatu Mahkamah Tinggi ada kuasa dalam rayuan untuk mengubah atau menggantikan suatu keputusan, persoalan yang timbul di hadapan kami mesti dijawab secara negatif. Kami dapati Hakim yang arif telah tersilap dalam undang-undang apabila menggantikan suatu thabitan untuk tuduhan lain kerana secara jelas kes ini tidak terjatuh dalam pembatasan s. 166 dan s. 167 Kanun Acara Jenayah kita.

Pemohon dituduh dengan hanya satu kesalahan menipu di bawah s. 420. Untuk mendapatkan suatu thabitan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan mesti ada keterangan yang ia telah melakukan kesalahan yang lain, iaitu di bawah s. 409. Undang-Undang adalah jelas. Adalah bahan-bahan perlu dalam suatu tuduhan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan bahawa seorang tertuduh mestilah menjadi sama ada seorang penjawat awam, pegawai bank, peniaga, dan lain-lain dan bahawa dia mesti telah diamanahkan dengan harta dalam kedudukannya sebagai penjawat awam, pegawai bank, dan lain-lain yang sedemikian. Secara tepat ianya bermakna bahan-bahan yang perlu untuk membuktikan suatu kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan adalah tidak sama dengan yang ada di bawah s. 420. Bahan-bahan ini telah tidak dibuktikan oleh pendakwaan untuk membuktikan suatu kes di bawah s 420 dan oleh kerana itu Yang di Pertua Mahkamah Sesyen tidak perlu mempertimbangkan sama ada elemen-elemen ini telah dipenuhi. Berdasarkan bahan yang ada di hadapan kami tidak ada apa-apa yang menunjukkan Hakim yang arif telah mempertimbangkan sama ada unsur-unsur ini telah dibuktikan.

Dalam penghakiman kami penggantian suatu thabitan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan tidak boleh dikatakan telah berlaku secara sah memandangkan keadaan kes ini dan berdasarkan keterangan di hadapan Mahkamah Tinggi.

Dengan mengikut kes *Yoong Hock Pin* kami terpaksa bertindak lebih jauh dari menjawab persoalan undang-undang yang dikemukakan dengan memerintah thabitan yang digantikan oleh Hakim yang arif dan hukuman diketepikan, tanpa mengembalikan thabitan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan.

JAYARAMAN DAN LAIN–LAIN lwn. PENDAKWA RAYA

[Mahkamah Persekutuan (Suffian K.H.N., Abdul Hamid H.P. dan Hakim Ajaib Singh H.) Jun 10 1982]

[Kuala Lumpur – Rujukan Jenayah Mahkamah Persekutuan No. 4 tahun 1981]

Undang–Undang dan Acara Jenayah – Tuduhan mematikan orang yang tidak terjumlah kepada pembunuhan – Apa yang menjadikan tangkapan – Kenyataan lisan yang dibuat oleh tertuduh sebelum tangkapannya kepada pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas – Sama ada boleh diterima – Keterangan berkeadaan – Sama ada beban di atas pendakwaan lebih berat dari dalam kes keterangan secara langsung – Kanun Acara Jenayah, ss. 15, 112 dan 113.

Keterangan – Keterangan berkeadaan – Sama ada beban di atas pendakwaan lebih berat dari dalam kes keterangan secara langsung – Kenyataan yang dibuat oleh tertuduh kepada pegawai polis – Bila boleh diterima – Kanun Acara Jenayah, ss. 112 and 113.

Dalam kes ini perayu telah dithabitkan dengan kesalahan mematikan orang yang tidak terjumlah kepada pembunuhan dan dihukum penjara untuk pelbagai tempoh.

---

* Dialihbahasa dari [1982] 2 M.L.J. 306 oleh Puan Mimi Kamariah binti Abdul Majid LL.B. (Malaya) LL.M. (Monash) Pensyarah di Fakulti undang-undang, Universiti Malaya.

Rayuan mereka kepada Mahkamah Tinggi telah ditolak – Lihat [1982] 1 M.L.J. 273. Atas permohonan mereka Hakim yang arif merujuk untuk keputusan Mahkamah Persekutuan persoalan undang-undang berkepentingan awam berikut yang telah muncul dalam perjalanan rayuan dan penentuan mana oleh hakim yang arif telah menyentuh kesudahan rayuan itu:

1. Sama ada ianya undang-undang betul bahawa semasa menguruskan sesuatu kes yang bergantung kepada keterangan berkeadaan (circumstantial evidence) memang tidak ada perbezaan sekiranya sesuatu Mahkamah dapati semasa mempertimbangkan kesemuanya keterangan ianya berpuashati sehingga tiada was-was yang munasabah bahawa tertuduh adalah bersalah berkenaan dengan kesalahan itu *atau* sekiranya Mahkamah mengatakan keterangan hanya menunjukkan kepada kesimpulan yang takboleh dielak bahawa tertuduh adalah bersalah.
2. Sama ada kepatuhan oleh seseorang kepada permintaan seorang pegawai polis supaya jangan tinggalkan sesuatu tempat yang tertentu menjadikan penyerahan kepada tahanan oleh orang itu dalam ertikata seksyen 15 Kanun Acára Jenayah.
3. Sama ada suatu kenyataan lisan yang dibuat oleh seseorang sebelum tangkapannya kepada seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas boleh diterima sebagai keterangan terhadapnya di mana kenyataan sedemikian tidak dijadikan bertulis.

Diputuskan: (1) dalam suatu kes yang dibicarakan tanpa suatu juri dan bergantung kepada keterangan berkeadaan adalah memadai untuk hakim yang arif ingat bahawa pendakwaan perlu membuktikan kesnya sehingga tiada was-was yang munasabah dan kegagalan oleh beliau untuk mengatakan bahawa keadaan bukan sahaja bersamaan dengan tertuduh telah melakukan jenayah itu tetapi sedemikian sehingga ianya tidak bersamaan dengan mana-mana penjelasan munasabah yang lain bukanlah penting. Dengan perkataan lain, dalam suatu kes yang bergantung kepada keterangan berkeadaan adalah mencukupi sekiranya mahkamah hanya mengatakan ianya berpuashati dengan kesalahan tertuduh sehingga tiada was-was yang munasabah, tanpa selanjutnya mengatakan bahawa fakta-fakta yang dibuktikan menuju secara takboleh tidak kepada satu kesimpulan, iaitu kesalahan tertuduh;

(2) jawapan kepada soalan kedua yang dirujuk kepada mahkamah dalam kes ini bergantung kepada fakta-fakta tiap-tiap kes yang berasingan, tetapi berdasarkan fakta-fakta dalam kes ini tidak boleh dikatakan bahawa pemohon-pemohon telah ditangkap oleh Korporal apabila dia beritahu mereka supaya tunggu dan jangan tinggalkan kuil itu, kerana dia hanya menghalang mereka untuk membuat pertanyaan mengenai serangan ke atas kuil itu;

(3) suatu kenyataan lisan yang dibuat oleh seseorang sebelum tangkapannya kepada seorang pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas boleh diterima dalam keterangan terhadapnya di mana kenyataan itu telah tidak dijadikan bertulis, dengan syarat adanya suatu penjelasan munasabah untuk ketinggalan itu.

Kes-kes rujukan:

(1) *McGreevy* v. *Director of Public Prosecutions* [1973] 1 W.L.R. 276; [1973] 1 All E.R. 503.
(2) *Kartar Singh and another* v. *Public Prosecutor* [1952] M.L.J. 85.
(3) *Idris* v. *Public Prosecutor* (1960) M.L.J. 296.
(4) *Chan Chwen Kong* v. *Public Prosecutor* [1962] M.L.J. 307.
(5) *Sunny Ang* v. *Public Prosecutor* [1966] 2 M.L.J. 195.
(6) *Karam Singh* v. *Public Prosecutor* [1967] 2 M.L.J. 25.
(7) *Chang Kim Siong* v. *Public Prosecutor* [1968] 1 M.L.J. 36.
(8) *Muniandy* v. *Public Prosecutor* [1973] 1 M.L.J. 179.
(9) *Reg.* v. *Hodge* [1838] 2 Levin 227.
(10) *Barca* v. *The Queen* [1975] 133 C.L.R. 82.
(11) *Police* v. *Pereira* [1977] 1 N.Z.L.R. 547.
(12) *Eng Sin* v. *Public Prosecutor* [1974] 2 M.L.J. 168.
(13) *Plomp* v. *The Queen* (1963) 110 C.L.R. 234.
(14) *Martin* v. *Osborne* (1936) 55 C.L.R. 367.
(15) *Kamis* v. *Public Prosecutor* [1975] 1 M.L.J. 46.
(16) *Lim Foo Yong* v. *Public Prosecutor* [1976] 2 M.L.J. 259.
(17) *Shaaban & Others* v. *Chong Fook Kam & Another* [1969] 2 M.L.J. 220.
(18) *Abdul Ghani bin Jusoh* v. *Public Prosecutor* [1981] 1 M.L.J. 25.

MAHKAMAH PERSEKUTUAN.

D.P. Vijandran (*Chandran* dan *Murthy* bersamanya) untuk pemohon-pemohon.

Mokhtar Abdullah, Timbalan Pendakwa Raya, untuk responden.

Suffian, K.H.N. (memberi keputusan Mahkamah): Pada suatu malam beberapa orang Melayu telah memusnahkan patung-patung yang berada di dalam suatu kuil Hindu di Kerling. Berberapa orang India telah menjangka serangan itu dan telah mengawal kuil itu, dan akibatnya ialah suatu pergaduhan. Empat daripada orang-orang Melayu telah dibunuh dan kelapan-lapan pemohon telah dithabitkan dalam Mahkamah Sesyen, Kelang, di bawah seksyen 304 dan 34 Kanun Keseksaan dan dihukum dengan pelbagai tempoh pemenjaraan. Rayuan mereka kepada Mahkamah Tinggi telah ditolak dan atas permohonan mereka Hakim yang arif yang telah mendengar rayuan itu (Hakim Persekutuan Syed Othman), bertindak di bawah seksyen 66(1) Akta Mahkamah Kehakiman, telah merujuk untuk keputusan kami persoalan-persoalan undang-undang berikut yang mempunyai kepentingan awam yang telah muncul semasa perjalanan rayuan dan penentuan mana oleh Hakim yang arif telah menyentuh kesudahan rayuan itu:

1. Sama ada ianya undang-undang betul bahawa semasa menguruskan sesuatu kes yang bergantung kepada keterangan berkeadaan memang tidak ada perbezaan sekiranya sesuatu Mahkamah dapati semasa mempertimbangkan kesemuanya keterangan ianya berpuashati

sehingga tiada was-was yang munasabah bahawa tertuduh adalah bersalah berkenaan dengan kesalahan itu *atau* sekiranya Mahkamah mengatakan keterangan hanya menunjukkan kepada kesimpulan yang takboleh dielak bahawa tertuduh adalah bersalah.

2. Sama ada kepatuhan oleh seseorang kepada permintaan seorang pegawai polis supaya jangan tinggalkan sesuatu tempat yang tertentu menjadikan penyerahan kepada tahanan oleh orang itu dalam ertikata seksyen 15 Kanun Acara Jenayah.

3. Sama ada suatu kenyataan lisan yang dibuat oleh seseorang sebelum tangkapannya kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas boleh diterima sebagai keterangan terhadapnya di mana kenyataan sedemikian tidak dijadikan bertulis.

Persoalan 1

Encik Vijandran menghujjahkan bahawa jawapan kepada persoalan ini ialah bahawa ianya tidak betul – bermakna dalam suatu kes yang bergantung kepada keterangan berkeadaan thabitan itu tidak boleh dikekalkan sekiranya mahkamah cuma mengatakan kes pendakwaan telah dibuktikan sehingga tiada was-was yang munasabah; mahkamah mesti meneruskan dan mengatakan bahawa fakta-fakta yang dibuktikan takboleh tidak menuju ke satu dan hanya satu kesimpulan, iaitu kesalahan tertuduh. Encik Mokhtar sebaliknya menghujjahkan bahawa ianya betul – bermakna adalah memadai sekiranya mahkamah cuma mengatakan ianya berpuashati dengan kesalahan tertuduh sehingga tiada was-was yang munasabah tanpa seterusnya mengatakan fakta-fakta yang dibuktikan secara takboleh tidak menunjukkan ke satu dan hanya satu kesimpulan sahaja, iaitu kesalahan tertuduh.

Dengan hormatnya kami bersetuju dengan Encik Mokhtar, mengikut keputusan House of Lords dalam *McGreevy* lwn. *Director of Public Prosecutions*,[1] dan dengan itu kami mengubahsuai keputusan Mahkamah ini dalam beberapa kes tempatan yang nampaknya meletakkan beban pembuktian yang lebih berat ke atas pendakwaan di mana ianya bergantung atas keterangan berkeadaan daripada di mana ianya bergantung atas keterangan secara langsung.

Sebahagian dari kes-kes tempatan itu telah disebut oleh Professor Ahmad Ibrahim dalam suatu nota mengenai Keterangan Berkeadaan di [1973] 1 M.L.J. xlvi dan ianya ialah *Kartar Singh and another* lwn. *Public Prosecutor*,[2]; *Idris* lwn. *Public Prosecutor*,[3]; *Chan Chwen Kong* lwn. *Public Prosecutor*.[4] *Sunny Ang* lwn. *Public Prosecutor*,[5] *Karam Singh* lwn. *Public Prosecutor*,[6] *Chang Kim Siong* lwn. *Public Prosecutor*,[7] dan *Muniandy* lwn. *Public Prosecutor*[8]

Dalam *Kartar Singh*,[2] perayu telah dithabitkan dengan kesalahan mematikan orang yang tidak terjumlah kepada suatu pembunuhan. Hakim Besar Murray-Aynsley semasa memberi penghakiman Mahkamah Rayuan Jenayah di Singapura telah menonjolkan perbezaan di antara kesan keterangan secara langsung dan keterangan berkeadaan. Sambil membenarkan rayuan, beliau berkata:

"Kes terhadap perayu telah dibentangkan secara hati-hati dan tepat kepada juri. Kami berpendapat walau bagaimanapun ini adalah satu daripada kes-kes dalam mana keterangan walaupun sekiranya dipercayai, tidak menjadikan bukti kesalahan salah seorang di antara perayu. Di sini adalah perlu untuk membezakan di antara kesan keterangan secara langsung dan keterangan berkeadaan. Di mana ada keterangan secara langsung, walaupun sedikit, juri adalah berhak menerimanya dan kes akan diserahkan kepada mereka untuk memutuskan. Dalam kes keterangan berkeadaan kedudukannya adalah berlainan. Di sini keterangan mesti sedemikian sehingga, sekira ianya dipercayai tidak ada pilihan lain yang munasabah daripada kesalahan tertuduh. Sekiranya ada apa-apa yang lebih kurang daripada ini maka tidak ada kes langsung."

Dalam *Idris* lwn. *Pendakwa Raya*[3], perayu telah dithabitkan dengan pembunuhan bekas isterinya. Kecuali keterangan tertentu berkenaan dengan tujuan, kes untuk pendakwaan mengandungi secara seluruhnya keterangan berkeadaan. Dalam ulasannya hakim pembicaraan yang arif berkata:

"Berkenaan dengan takrif keterangan berkeadaan saya tidak boleh beri takrif yang lebih sesuai daripada memetik perkataan-perkataan Lord Cairns dalam kes *Belhaven & Stenton Peerage* yang dilaporkan dalam 1875-76 Appeal Cases, muka surat 279 –

'Paduka Hakim, apabila membincangkan mengenai keterangan berkaadaan kami perlu mempertimbangkan tekanan yang harus diberi kepada kesan bersatu semua keadaan-keadaan yang diletak bersama. Anda mungkin mempunyai suatu pancaran cahaya yang dengan sendirinya lemah untuk mencerahkan suatu penjuru yang gelap. Tetapi sebaliknya anda boleh mempunyai beberapa pancaran cahaya, tiap-tiap satu tidak mencukupi, tetapi kesemuanya disalurkan dan dibawa ke atas perkara yang sama, dan, apa-bila bersatu, menjadikan suatu bentuk cahaya yang akan menghilangkan kegelapan yang anda cuba menghapuskannya. Dengan lain perkataan keterangan berkeadaan mengandungi berikut: bahawa apabila anda lihat semua keadaan sekelilingnya, anda dapati suatu siri keadaan yang tidak dirancang dan tidak dijangka sehingga, sebagai seorang yang

munasabah, anda dapati anda harus mempunyai satu kesimpulan. Sekiranya keterangan berkeadaan kurang daripada taraf itu, sekira ianya tidak memuaskan ujian itu, sekira ianya meninggalkan kekosongan, ianya tidak ada guna langsung."

Apabila rayuan dibuat, Mahkamah Rayuan memutuskan yang arif hakim pembicaraan telah membincangkan secara menyeluruh dalam rumusannya berkenaan dengan beban pembuktian dan dengan prinsip was-was yang munasabah. Para juri tidak boleh berada dalam keraguan bagaimana mereka patut mempertimbangkan secara betul dan memberi keputusan mereka dan oleh itu tidak ada alasan untuk mengatakan keputusan akhir mereka adalah tidak munasabah.

Dalam *Chan Chwen Kong* lwn. *Pendakwa Raya*[4] perayu telah dithabitkan dengan pembunuhan seorang perempuan dan anaknya. Keterangan terhadap perayu kesemuanya ialah berkeadaan dan inilah satu daripada alasan rayuan. Hakim Besar Thomson, seperti mana beliau pada masa itu, semasa memberi penghakiman Mahkamah Rayuan, berkata:

"Bahawa keterangan ialah kesemuanya berkeadaan dan teguran mengenainya terjumlah pada ini, bahawa tiada satu keterangan ialah cukup kuat untuk mengekalkan thabitan. Itu memang benar. Tetapi mesti diingat bahawa dalam kes-kes seperti ini di mana kesemuanya keterangan ialah berkeadaan apa yang perlu dipertimbangkan ialah bukan sahaja keteguhan tiap-tiap urat keterangan tetapi juga gabungan keteguhan kesemua urat ini apabila dijadikan satu tali. Soalan sebenarnya ialah: adakah tali itu cukup teguh untuk menggantung banduan itu?"

Dalam kes Singapura *Sunny Ang* lwn. *Pendakwa Raya*[5] perayu telah dithabitkan dengan pembunuhan. Satu daripada perkara yang dihujjahkan di pendengaran rayuan ialah bahawa hakim pembicaraan yang arif telah tersilap dalam undang-undang apabila beliau gagal mengarahkan juri secukupnya mengenai bahaya menthabitkan seorang tertuduh atas keterangan berkeadaan. Dalam ulasannya hakim pembicaraan yang arif telah berkata:

"Soalan yang kedua kepada mana saya mesti beri perhatian ialah bahawa soalan dalam kes ini, yang bergantung sepertimana yang terdapat atas keterangan berkeadaan, ialah sama ada kesan tambah-menambah semua keterangan membawa anda kepada kesimpulan yang tidak boleh tidak bahawa tertuduhlah yang telah melakukan jenayah itu, atau adakah sesuatu penjelasan berkemungkinan yang munasabah, seperti, sebagai contoh –' adakah ianya suatu kemalangan sahaja?'"

Kemudian beliau berkata:

"Sekarang, seperti apa yang saya beritahu anda tadi, satu daripada perkara mengenai keterangan berkenaan ialah kesan tambah-menambahnya. Mana-mana satu daripada perkara-perkara ini sekiranya diambil tersendiri mungkin, anda boleh berpendapat, boleh dijelaskan. Soalan bagi anda ialah: kemanakah keseluruhannya, kesan kesemuanya secara menyeluruh, membawa anda? Menambahnya bersama, mempertimbangkannya bukan hanya secara tiap-tiap satu, tetapi bersama, adakah atau tidakkah ianya membawa anda kepada pendapat dan kesimpulan yang tidak boleh tidak bahawa tertuduh telah melakukan jenayah ini? Atau adakah lain penjelasan berkemungkinan yang munasabah mengenai fakta-fakta itu?

Kes pendakwa ialah kesan kesemuanya keterangan menyebabkan anda secara tidak boleh tidak kepada satu kesimpulan dan satu sahaja kesimpulan: bahawa adalah tertuduh yang dengan niat menyebabkan kematian perempuan muda ini."

Telah diputuskan dalam Mahkamah Persekutuan bahawa arahan itu adalah mencukupi dalam suatu kes di mana pendakwaan telah bergantung kepada keterangan berkeadaan.

Dalam kes *Karam Singh* lwn. *Pendakwa Raya*[6] perayu telah merayu terhadap thabitannya untuk pembunuhan. Tidak ada saksi kepada serangan ke atas simati, kes pendakwaan telah kesemuanya berdasarkan atas keterangan berkeadaan. Ong Hock Thye, Hakim Persekutuan, seperti mana beliau pada masa itu, semasa memberi penghakiman Mahkamah Persekutuan berkata:

"Dalam suatu kes di mana pendakwaan bergantung kepada keterangan berkeadaan, keterangan sedemikian mesti bertentangan dengan mana-mana sangkaan yang lain selain daripada kesalahan tertuduh itu."

Dalam *Chang Kim Siong* lwn. *Pendakwa Raya*[7] perayu telah merayu terhadap thabitan untuk pembunuhan. Keterangan terhadap perayu adalah berkeadaan dan Pike Hakim Besar (Borneo) semasa memberi penghakiman Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuan berkata:

"Beban di atas pendakwaan di mana keterangan adalah dalam bentuk berkeadaan adalah suatu yang amat berat dan keterangan itu mesti menunjukkan secara tidak boleh tidak ke kesimpulan mengenai kesalahan tertuduh. Sekiranya ada kekosongan dalamnya, maka ianya tidak mencukupi."

Dalam *Muniandy* lwn. *Pendakwa Raya*[8] di mana perayu telah dituduh merogol, ternampak keterangan yang boleh menyokong keterangan pengadu adalah keterangan berkeadaan. Perayu telah dithabitkan dan dia merayu ke Mahkamah Persekutuan. Ong Hakim Besar semasa memberi penghakiman Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuan berkata:

"Di mana keterangan berkeadaan digunakan oleh pendakwaan dalam pembinaan kesnya terhadap seorang tertuduh, mana-mana keterangan sedemikian mesti berat hanya ke satu arah, iaitu membawa atau menyokong suatu kesimpulan mengenai kesalahan. Keterangan ini – sekiranya boleh ditafsirkan secara suci atau kabur sehingga menjadikannya sesuai dengan kesalahan atau ketaksalahan – sepatutnya jangan sekalipun dihujjahkan di hadapan juri sebagai keterangan berkeadaan yang menguatkan kes pendakwaan. Mana-mana ulasan yang gagal menerangkan ini secara jelas kepada juri adalah suatu salaharahan yang berat. Tambah-tambah lagi dalam kes ini, keterangan berkeadaan yang lebih selaras dengan ketaksalahan daripada kesalahan telah dikemukakan kepada juri sebagai menyokong keterangan pengadu. Sebaliknya, di mana keterangan berkeadaan didapati kuat memihak kepada pembelaan, suatu pembicaraan yang betul memerlukan, untuk kepentingan keadilan, fakta ini dibawa ke perhatian juri dan tidak dilepaskan sebagai suatu butir yang tidak berkaitan."

Oleh itu jelas daripada di atas bahawa dalam suatu pembicaraan dengan juri di sini dan di Singapura telah selalunya diputuskan bahawa di mana pendakwaan bergantung kepada keterangan berkeadaan adalah tidak mencukupi untuk memberi arahan hanya bahawa pendakwaan perlu membuktikan kesnya sehingga tiada was-was yang munasabah; tetapi hakim mesti bertindak seterusnya dan memberi arahan kepada juri bahawa beban di atas pendakwaan adalah lebih berat daripada di mana ianya mengharapkan atas keterangan secara langsung dan bahawa keterangan untuk mempertahankan suatu thabitan mesti secara tidak boleh tidak menunjuk kepada satu dan hanya satu kesimpulan dan ianya adalah kesalahan tertuduh.

Kes terakhir dari kes-kes tempatan yang dirujuk di atas telah diputuskan oleh Mahkamah ini pada 12hb Februari, 1973. Kehakiman dan kepeguaman tidak sedar bahawa 11 hari sebelum itu House of Lords telah memberi penghakiman atas perkara yang sama dalam *McGreevy* lwn. *Director of Public Prosecutions.*[1] Di sana Mahkamah Rayuan Jenayah Ireland Utara telah mengesahkan kes itu melibatkan suatu perkara undang-undang yang secara umumnya berkepentingan awam dan telah beri kebenaran untuk merayu ke House of Lords. Perkara undang-undang yang disahkan itu adalah seperti berikut:–

"Sama ada dalam suatu pembicaraan jenayah berjuri, dalam mana kes terhadap tertuduh bergantung keseluruhannya atau kebanyakannya atas keterangan berkeadaan, adalah tugas hakim pembicaraan bukan sahaja memberitahu juri secara umumnya bahawa mereka mesti berpuashati mengenai kesalahan tertuduh sehingga tiada was-was yang munasabah, tetapi juga untuk memberi mereka arahan khas iaitu beritahu mereka dalam perkataan-perkataan jelas bahawa sebelum mereka boleh dapati tertuduh bersalah mereka mesti berpuashati bukan sahaja bahawa keadaan adalah selaras dengan dia telah melakukan jenayah itu tetapi juga bahawa fakta-fakta yang dibuktikan adalah sedemikian hingga menjadi takselaras dengan mana-mana pendapat munasabah yang lain."

Kepercayaan telah diletak di atas laporan kes *Reg.* lwn. *Hodge*[9]. Tertuduh dalam kes itu telah dituduh dengan pembunuhan dan pembicaraan di adakan pada tahun 1838 di Mahkamah Assize di Liverpool. Alderson B. dalam ulasannya kepada juri berkata kes itu "diujudkan oleh keadaan-keadaan semata-mata" dan sebelum mereka boleh dapati banduan adalah bersalah mereka mesti berpuashati – "Bukan sahaja keadaan-keadaan itu selaras dengan dia melakukan perbuatan itu, tetapi juga mereka mesti berpuashati fakta-fakta adalah sedemikian hingga menjadi takselaras dengan mana-mana pendapat selain daripada banduan adalah orang yang bersalah itu."

Dalam *McGreevy*[1] House of Lords telah menolak hujjah bahawa ada suatu tanggungjawab khas pada hakim di mana kes terhadap tertuduh bergantung keseluruhannya atau sebahagiannya atas keterangan berkeadaan. Lord Morris of Borth-Y-Gest dengan siapa Hakim-Hakim lain telah bersetuju berkata:

"Mengikut pendapat saya keperluan asas sebelum kesalahan sesuatu tuduhan jenayah boleh diselesaikan ialah bahawa juri berpuashati dengan kesalahan sehingga tiada was-was yang munasabah. Ini ialah suatu konsep yang mana juri boleh dengan mudahnya faham dan melalui penerangan yang jelas boleh difahamkan dengan mudahnya. Begitu juga juri boleh dengan mudahnya memahami bahawa dari satu keterangan yang mereka terima beberapa kesimpulan boleh dibuat. Ianya memerlukan tidak lebih dari akal biasa untuk juri memahami bahawa sekiranya satu kesimpulan yang dicadangkan dari keterangan yang diterima membawa kepada kesimpulan kesalahan dan satu lagi kesimpulan yang dicadangkan kepada kesimpulan ketaksalahan, juri tidak boleh atas keterangan itu sahaja berpuashati mengenai kesalahan sehingga tiada was-was yang munasabah, melainkan mereka menolak dan mengecualikan seluruh cadangan yang terkemudian itu. Selanjutnya juri boleh memahami sepenuhnya bahawa sekiranya fakta-fakta yang mereka terima adalah selaras dengan kesalahan tetapi juga selaras dengan ketaksalahan mereka tidak boleh mengatakan mereka telah berpuashati mengenai kesalahan sehingga tiada was-was yang munasabah. Secara yang sama juri boleh memahami sepenuhnya sekiranya suatu fakta yang mereka terima adalah tak selaras dengan kesalahan atau mungkin sedemikian mereka tidak boleh mengatakan mereka telah berpuashati sehingga tiada was-was yang munasabah. Mengikut pendapat saya adalah tidak diingini untuk membentangkannya sebagai suatu kaedah yang mengikat hakim-hakim bahawa suatu arahan kepada juri dalam kes-kes di mana keterangan berkeadaan adalah asas kes pendakwaan mesti diberi dalam sesuatu bentuk yang khas, dengan syarat ianya selalu dijelaskan dengan nyata kepada juri bahawa mereka mesti jangan menthabitkan melainkan mereka berpuashati mengenai kesalahan sehingga tiada was-was yang munasabah . . .

Untuk memasukkan suatu kaedah seperti dicadangkan – adalah mengikut pendapat saya bukan sahaja tidak perlu tetapi tidak diingini. Dalam banyak kes-kes jenayah adalah menjadi perlu untuk membuat kesimpulan dari beberapa keterangan yang diterima. Unsur mental dalam suatu jenayah jarang boleh dibuktikan oleh keterangan secara langsung. Saya dapati tiada faedah dalam mencuba untuk tujuan membuat ulasan mengkelaskan keterangan sebagai secara langsung atau berkeadaan dengan hasil sekiranya kes pendakwaan bergantung (berkenaan dengan perlakuan perbuatan itu) semata-mata atas keterangan berkeadaan (dalam perkataan-perkataan yang juga perlu ditakrif) hakim bertanggungjawab mematuhi apabila membuat ulasan kepada suatu keperluan khas –

Bersetuju dengan Mahkamah Rayuan Jenayah saya akan menolak hujjah bahawa ada tanggungjawab khas di atas hakim dalam perkataan-perkataan syor itu. Sepatutnya tidak perlu mengadakan satu bentuk ulasan yang tetap yang mesti dipakai oleh seorang hakim yang arif. Dalam kes-kes tertentu wujud kaedah undang-undang dan amalan yang memerlukan seorang hakim memberi amaran tertentu walaupun bukan dalam perkataan-perkataan yang mesti kepada suatu juri. Tetapi dalam kes-kes umum saya tidak nampak perlunya membentangkan suatu kaedah yang akan menghadkan atau mentafsirkan atau menambahkan tugas seorang hakim untuk menjelaskan kepada juri dalam perkataan-perkataan yang mencukupi yang meliputi butir-butir tertentu mengenai kes tertentu itu bahawa mereka mesti jangan menthabitkan melainkan mereka berpuashati sehingga tiada was-was yang munasabah."

Oleh yang demikian, seperti telah dinyatakan dengan betul oleh notakepala kepada kes itu, dalam penghakiman House of Lords, dalam suatu pembicaraan jenayah adalah tugas hakim untuk menjelaskan kepada juri dalam perkataan-perkataan yang mencukupi yang meliputi butir-butir tertentu kes itu bahawa mereka mesti jangan menthabitkan melainkan mereka berpuashati sehingga tiada was-was yang munasabah mengenai kesalahan tertuduh; dan tidak ada kaedah bahawa, di mana kes pendakwaan berdasarkan keterangan berkeadaan, hakim itu mesti, sebagai suatu perkara undang-undang, beri suatu arahan selanjutnya bahawa fakta-fakta yang dibuktikan bukan sahaja selaras dengan kesalahan tertuduh, tetapi juga sedemikian hingga menjadi takselaras dengan mana-mana kesimpulan munasabah yang lain.

Lebih dari dua tahun kemudian kes *McGreevy* telah dipertimbangkan oleh Mahkamah Tinggi Australia dalam *Barca* lwn. *The Queen*,[10] suatu kes jenayah yang bergantung kepada keterangan berkeadaan, dan Mahkamah itu memutuskan akan mematuhi prinsip lama bahawa juri tidak boleh memberi keputusan bersalah melainkan keadaan adalah sedemikian hingga menjadi takselaras dengan mana-mana pendapat munasabah yang lain selain daripada kesalahan. Di muka surat 105 Hakim Gibbs, seperti mana dia pada masa itu, Hakim Stephen dan Hakim Mason walau bagaimanapun berkata:

"Keputusan itu hanya mengenai bentuk yang perlu untuk diberi kepada juri, . . . ianya tidak mencerminkan betulnya prinsip-prinsip yang dinyatakan, yang mana sebenarnya adalah prinsip-prinsip lojik dan akal biasa."

Dalam tahun 1976 adalah giliran seorang Hakim Mahkamah Tertinggi New Zealand untuk mempertimbangkan kes *McGreevy*.[1] Ini adalah dalam *Police* lwn. *Pereira*[11] di mana Hakim Mahon berkata adalah terpulang kepada Mahkamah Rayuan New Zealand untuk memutuskan sama ada *McGreevy*[1] patut diikuti di New Zealand dan beliau sendiri rasa patut sambil menunggu itu berlaku untuk mengikut *R.* lwn. *Hodge*[9] sepertimana ianya telah diikuti oleh mahkamah-mahkamah New Zealand.

Beliau dengan hormatnya mengesyorkan (muka surat 554) bahawa dalam suatu kes yang melibatkan suatu gabungan keterangan secara langsung dan berkeadaan, tidak ada skop untuk arahan *R.* lwn. *Hodge*[9] dan suatu arahan sedemikian adalah sesuai hanya dimana kes terhadap tertuduh bergantung kepada keterangan berkeadaan sahaja. Beliau tambah bahawa selain daripada ini,

"*McGreevy* lwn. *D.P.P.*[1] adalah terhad kepada bentuk arahan yang patut diberi kepada suatu juri. Saya tidak boleh nampak sebab-sebab untuk memakai kes itu kepada keadaan dalam mana pembicaraan jenayah dijalankan tanpa juri, seperti berlaku dalam Mahkamah Majistret.

Dalam keadaan terkemudian adalah pendapat saya bahawa seorang majistret, dengan pemikiran kehakiman yang terlatih, patut memakai proses lojik, dalam suatu kes yang bergantung keseluruhannya atas keterangan berkeadaan, untuk melihat sama ada atas semua fakta-fakta yang dibuktikan wujud mana-mana pendapat bebas yang munasabah yang takselaras dengan kesalahan tertuduh."

Dengan hormatnya kami berpendapat ini hanya satu cara lain untuk mengatakan pendakwaan mesti membuktikan kesnya sehingga tidak was-was yang munasabah – memakai ujian itu juga, majistret mesti membebaskan sekiranya atas fakta-fakta yang dibuktikan wujud suatu pendapat terbuka yang munasabah yang takselaras dengan kesalahan tertuduh – oleh kerana dalam kes itu, tidak boleh dikatakan bahawa kesalahannya telah dibuktikan sehingga tiada was-was yang munasabah.

Kami sekarang beralih ke keputusan di Malaysia selepas *McGreevy*.[1] Dalam suatu nota selanjutnya mengenai kes itu Professor Ahmad Ibrahim telah menyebut di (1974) 2 M.L.J. xxxiii dua kes yang menunjukkan bahawa Mahkamah ini nampaknya

masih lagi berterusan memerlukan suatu beban yang lebih berat di atas pendakwaan di mana keterangan adalah berkeadaan berbanding dengan pembuktian sehingga tiada was-was yang munasabah, walaupun dalam satu di antara mereka rujukan nyata telah dibuat kepada *McGreevy*.[1]

Dalam *Eng Sin* lwn. *Pendakwa Raya*[12] di atas suatu tuduhan pembunuhan hakim pembicaraan telah menunjukkan kepada juri bahawa "tidak ada keterangan secara langsung dalam ertikata pendakwaan telah tidak mengemukakan saksi-saksi untuk mengatakan mereka telah lihat seseorang menyerang si mati. Tetapi dalam undang-undang suatu fakta boleh dibuktikan oleh keterangan secara langsung atau keterangan berkeadaan yang menunjukkan siapa orangnya yang melakukan itu." Kemudian hakim pembicaraan yang arif berkata, "Walaupun tidak ada keterangan secara langsung, saya berpendapat ada keterangan berkeadaan – dan telahpun dikatakan bahawa keterangan berkeadaan boleh mempunyai ketepatan seperti matematik." Mahkamah Persekutuan memutuskan arahan kepada juri adalah tidak mencukupi. Rujukan telah dibuat kepada kes Inggeris, *Hodge*,[9] dan kepada kes-kes dari Australia *Plomp* lwn. *The Queen*[13] dan *Martin* lwn. *Osborne*[14] tetapi walaupun rujukan telah juga dibuat kepada *McGreevy*[1] ulasan-ulasan Lord Morris of Borth-Y-Gest mengenai kes *Hodge*[9] tidak disebut. Dalam *McGreevy*[1] Lord Morris of Borth-Y-Gest telah berkata:

"Fakta yang dikekalkan ialah di sini di tempat kediaman Common Law kes *Hodge* tidak diberi kemasyhuran; rujukan kepadanya adalah jarang dan tidak sebut bahawa ianya mengandungi panduan yang mempunyai kuasa mendesak sehingga terjumlah kepada suatu kaedah undang-undang yang sekiranya tidak diikuti dengan taatnya akan mengecapkan suatu ulasan sebagai taksempurna. Saya berpendapat ini selaras dengan pendapat bahawa kes *Hodge* telah dilaporkan bukan kerana ianya telah membentangkan suatu kaedah undang-undang yang baru tetapi kerana ianya difikirkan memberi satu contoh berguna mengenai satu cara dengan mana juri boleh diberi arahan dalam suatu kes di mana keterangan adalah berkeadaan."

Dalam *Eng Sin* lwn. *Pendakwa Raya*[12] Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada pandangan Lord Morris of Borth-Y-Gest bahawa:

"Adalah tidak diingini untuk membentangkannya sebagai satu kaedah yang mengikat hakim-hakim bahawa suatu arahan kepada juri dalam kes-kes di mana keterangan berkeadaan adalah asas kes pendakwaan mesti diberi dalam sesuatu bentuk khas, dengan syarat ianya selalu dijelaskan dengan nyata kepada juri bahawa mereka mesti jangan menthabitkan melainkan mereka berpuashati mengenai kesalahan sehingga tiada was-was yang munasabah."

Mahkamah Persekutuan juga merujuk kepada kes *Karam Singh* lwn. *Pendakwa Raya*[6] di mana Mahkamah Persekutuan telah berkata:

"Dalam suatu kes di mana pendakwaan bergantung kepada keterangan berkeadaan, keterangan sedemikian mesti takselaras dengan mana-mana pendapat yang lain melainkan kesalahan tertuduh."

Dalam *Kamis* lwn. *Pendakwa Raya*[15] Hakim pembicaraan yang arif di atas suatu tuduhan pembunuhan telah beritahu juri "untuk suatu mahkamah bergantung kepada keterangan berkeadaan keterangan itu apabila dipertimbangkan mesti menunjuk hanya ke arah kesalahan tertuduh; ianya mesti tidak boleh membawa mana-mana interpretasi yang lain atau mana-mana makna yang lain." Arahan ini telah diterima oleh Mahkamah Persekutuan.

Dalam *Lim Foo Yong* lwn. *Public Prosecutor*[16] Hakim Chang Min Tat, sepertimana beliau pada masa itu, di dalam membenarkan suatu rayuan dari Mahkamah Sesyen telah memakai ujian yang dibentangkan dalam *Karam Singh*.[6]

Dalam *McGreevy*[1] Lord Morris of Borth-Y-Gest juga telah merujuk kepada keputusan Hakim Besar Dixon dalam *Plomp* lwn. *The Queen*[13] di mana beliau merujuk kepada *Martin* lwn. *Osborne*[14] dan menunjukkan bahawa dalam *Plomp* lwn. *The Queen*[13] Hakim Menzies berkata arahan biasa bukanlah sesuatu yang berasingan dari arahan bahawa pendakwaan mesti membuktikan kesnya sehingga tiada was-was yang munasabah, dan pemberian arahan tertentu itu berpunca dari keperluan umum bahawa pembuktian mesti ditetapkan sehingga tiada was-was yang munasabah. Boleh juga diambil perhatian bahawa Lord Morris of Borth-Y-Gest telah memetik perenggan berikut dari *Kenny's Outline of Criminal Law* sambil bersetuju dengannya:

"Tidak ada kesangsian mengenai keterangan berkeadaan telah ditunjuk oleh undang-undang Inggeris. Ianya tidakpun memerlukan keterangan secara langsung diberi keutamaan dari yang berkeadaan."

Dalam pandangan kami ujian kesimpulan takboleh tidak nampaknya meletak di atas pendakwaan suatu beban pembuktian yang lebih tinggi dari dalam suatu kes di mana ianya mengharapkan keterangan secara langsung, kerana untuk memakai ujian kesimpulan takboleh tidak ialah cara lain untuk mengatakan pendakwaan mesti membuktikan kesalahan tertuduh sehingga tiada was-was yang munasabah.

Seperti Syed Othman Hakim Persekutuan berkata dalam kes berkenaan dengan ini, ini adalah

hanya "permainan dengan perkataan." Sekiranya fakta-fakta yang dibuktikan menunjuk kepada suatu pilihan lain yang munasabah daripada kesalahan tertuduh, itu adalah cara lain untuk mengatakan was-was ada ujud dalam kes pendakwaan dan dengan itu pendakwaan telah tidak membuktikan kesnya sehingga tiada was-was yang munasabah. Begitu juga sekiranya fakta-fakta yang dibuktikan menunjukkan ada penjelasan kemungkinan yang munasabah, sebagai contoh suatu kemalangan, atau sekira ianya adalah takselaras dengan mana-mana pendapat lain selain daripada kesalahan tertuduh atau sekira ianya boleh diberi tafsiran luruh atau sekira ianya adalah kabur sehingga menjadi selaras dengan kesalahan atau ketaksalahan. Dalam kesemua keadaan itu, fakta-fakta yang dibuktikan tidak menunjuk kepada kesalahan tertuduh, mahkamah pembicaraan tidak atau tidak boleh yakin bahawa tertuduh adalah bersalah dan hendaklah membebaskannya – oleh kerana pihak pendakwa telah tidak membuktikan kesnya hingga tidak ada was-was yang munasabah.

Kami dengan hormatnya bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Hakim Menzies dalam kes dari Australia *Plomp* lwn. *The Queen*[13] yang telahpun dirujuk, bahawa arahan biasa kepada juri bukanlah sesuatu yang berasingan dari arahan bahawa pendakwaan mesti membuktikan kesnya sehingga tiada was-was yang munasabah, dan pemberian arahan tertentu itu berpunca dari keperluan yang lebih umum bahawa pembuktian mesti ditetapkan sehingga tiada was-was yang munasabah.

Jadi, dalam suatu kes yang dibicarakan tanpa juri dan bergantung kepada keterangan berkeadaan, dalam penghakiman kami, dengan hormatnya mengikut *McGreevy*[91], adalah mencukupi untuk hakim pembicaraan ingat bahawa pendakwaan perlu membuktikan kesnya sehingga tiada was-was yang munasabah, dan kegagalan oleh beliau untuk mengatakan keadaan bukan sahaja selaras dengan tertuduh telah melakukan jenayah tetapi juga sedemikian hingga ianya takselaras dengan mana-mana penjelasan munasabah yang lain, tidak akan menyebabkan kegagalan. Dengan perkataan lain kami bersetuju dengan Encik Mokhtar bahawa jawapan kepada soalan 1 ialah ya, ianya adalah betul – bermakna dalam suatu kes yang bergantung kepada keterangan berkeadaan adalah mencukupi sekiranya mahkamah hanya mengatakan ianya berpuashati dengan kesalahan tertuduh sehingga tiada was-was yang munasabah, tanpa mengatakan seterusnya bahawa fakta-fakta yang dibuktikan tunjuk secara takboleh tidak kepada satu kesimpulan, iaitu kesalahan tertuduh.

Dalam kes ini yang arif Presiden Mahkamah Sesyen berkata keterangan membawanya kepada "kesimpulan yang tak boleh tidak" bahawa adalah pemohon yang telah menyerang dan membunuh penceroboh-penceroboh. Dalam pandangan kami ungkapan "kesimpulan yang tak boleh tidak" dengan jelasnya menunjukkan bahawa beliau telah menggunakan ujian kesimpulah – tak boleh ditentang.

Persoalan 2

Encik Vijandran menghujjahkan jawapan kepada persoalan ini patutlah ya, sementara Encik Mokhtar menghujjahkan persoalan itu ialah suatu mengenai fakta, bukan suatu mengenai undang-undang, apalagi suatu mengenai undang-undang yang berkepentingan awam dan oleh itu Mahkamah patut enggan menjawabnya.

Fakta-fakta atas mana persoalan ini berdasarkan adalah seperti berikut. Dua orang India telah datang ke Balai Polis di Kerling pada kira-kira pukul 3.05 pagi pada 19hb Ogos 1978, dan melaporkan lima orang lelaki telah menyerang kuil itu, bahawa suatu pergaduhan berlaku di antara mereka dan pengawal-pengawal kuil dan penyerang telah dikepong. Korporal Abdul Ghani telah pergi ke kuil itu bersama orang-orang India itu dan di sana dia lihat kelapan-lapan pemohon dan sami kuil itu. Dia beritahu mereka supaya jangan tinggalkan tempat itu. A.S.P. Jamaluddin tiba dikuil pada pukul 3.35 pagi dan menyoal pemohon. Jawapan mereka kepada A.S.P. itu telah menjadi suatu issu mengenai kebolehterimaannya, di mana telah dihujjahkan bahawa mereka telah ditangkap apabila Korporal memberitahu mereka supaya jangan tinggalkan kuil itu dan mereka tidak diberi amaran sebelum mereka memberi jawapan dan oleh itu jawapan mereka tidak boleh diterima.

Hakim yang arif memutuskan bahawa mereka tidak ditangkap pada ketika itu dan oleh itu jawapan mereka boleh diterima.

Dengan hormatnya kami berpendapat beliau adalah betul.

Seksyen 15 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan:

(i) Dalam membuat suatu tangkapan pegawai polis . . . yang membuat tangkapan hendaklah benar-benar menyentuh atau menyekat tubuh orang yang akan ditangkap melainkan ada suatu penyerahan kepada tahanan melalui pertuturan atau tindakan.

(ii) Sekiranya orang sedemikian secara berkekerasan menentang usaha untuk menangkapnya atau

cuba mengelak tangkapan itu pegawai sedemikian . . . boleh mengunakan segala cara yang perlu untuk melakukan tangkapan.

Dalam *Shaaban dan lain-lain* lwn. *Chong Fook Kam dan seorang lain*[17] Lord Devlin semasa memberi nasihat Majlis Privy berkata seorang polis tidak membuat tangkapan apabila dia menghentikan seseorang individu untuk membuat pertanyaan. Beliau berkata (di muka surat 220):

"Suatu tangkapan berlaku apabila seorang pegawai polis mengatakan bahawa dia hendak menangkap atau apabila dia menggunakan paksaan untuk menghalang individu berkenaan. Ianya berlaku juga apabila melalui perkataan-perkataan atau perlakuan dia dengan jelas akan, sekiranya perlu, menggunakan paksaan untuk mencegah individu itu dari beredar dari situ apabila dia ingin berbuat demikian. Ianya tidak berlaku apabila dia menghentikan seseorang individu untuk membuat pertanyaan."

Di sini ada beberapa aduan terdahulu bahawa patung-patung telah dimusnahkan dalam kuil Hindu dalam kawasan itu, pihak polis telah memberitahu dan menasihatkan kuil tertentu ini supaya ianya dikawal, apabila Korporal dan kemudian pegawai-pegawai yang lain tiba di kuil berikutan laporan oleh dua orang Hindu itu mereka tiba untuk menyiasat suatu serangan ke atas kuil itu, berkenaan dengan mana pemohon-pemohon boleh menjadi saksi-sakdi penting, dan dalam keadaan ini, adalah suatu perkara untuk A.S.P., bukan Korporal, untuk memutuskan sama ada atau tidak pemohon-pemohon patut ditangkap, oleh kerana seorang Korporal tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat suatu kesalahan tangkapan-tanpa-waran tetapi mesti tunggu arahan dari pegawai-pegawai kanannya (seksyen 109(1) Kanun Acara Jenayah). Korporal itu tidak mengatakan dia sedang menangkap pemohon-pemohon atau guna paksaan untuk menghalang mereka, juga dia tidak menjelaskan melalui perkataan-perkataan atau perlakuan bahawa dia akan, sekiranya perlu, menggunakan paksaan untuk mencegah pemohon-pemohon beredar ke tempat yang mereka ingin pergi.

Dalam penghakiman kami jawapan kepada soalan ini terpulang kepada fakta tiap-tiap kes, tetapi berdasarkan fakta-fakta dalam kes ini tidak boleh dikatakan pemohon-pemohon telah ditangkap oleh Korporal apabila dia beritahu mereka supaya tunggu dan jangan tinggalkan kuil itu, kerana dia hanya menahan mereka untuk membuat pertanyaan mengenai serangan ke atas kuil itu.

Persoalan 3

Encil Vijandran menghujjahkan jawapan kepada soalan ini sepatutnya secara negatif manakala Encik Mokhtar menghujjahkan ianya patut diiakan.

Jawapan kepada soalan ini berputar atas pentafsiran seksyen 113 Kanun Acara Jenayah yang memperuntukkan seperti berikut:

"113.(1) Jika mana-mana orang dituduh dengan mana-mana kesalahan apa-apa kenyataan, sama ada kenyataan itu menjadi suatu pengakuan salah atau tidak atau ia secara lisan atau bertulis, dibuat di bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dituduh dan sama ada semasa penyiasatan polis berjalan atau tidak dan sama ada atau tidak seluruhnya atau sebahagiannya adalah sebagai jawapan kepada soalan-soalan, oleh orang itu kepada atau dalam pendengaran mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh seorang pegawai polis lain atau orang lain hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam pembicaraannya dan sekiranya orang yang dituduh itu mengemukakan dirinya sebagai seorang saksi, mana-mana kenyataan sedemikian boleh dipakai dalam soalanbalas dan untuk tujuan mencabar kejujurannya:

Dengan syarat bahawa

(a) tiada kenyataan sedemikian hendaklah diterima atau dipakai seperti disebutkan –

(i) sekiranya pembuatan kenyataan itu ternampak oleh mahkamah telah disebabkan oleh mana-mana dorongan, ancaman atau janji yang ada kaitan dengan tuduhan yang berpunca dari seseorang yang berkuasa dan memadai dalam pendapat mahkamah untuk memberi orang yang dituduh alasan yang pada dirinya nampaknya munasabah untuk mempercayai dalam membuatnya dia akan mendapatkan manafaat atau mengelakkan mana-mana keburukan keduniaaan berkaitan dengan tindakan terhadapnya; atau

(ii) dalam kes suatu kenyataan dibuat oleh orang itu selepas tangkapannya, melainkan mahkamah berpuashati suatu amaran telah dikemukakan kepadanya dalam perkataan berikut atau perkataan-perkataan yang mempunyai kesan yang sama:

"Adalah tugas saya memberi amaran kepada kamu bahawa kamu tidak perlu mengatakan apa-apa atau menjawab mana-mana soalan, tetapi apa-apa yang kamu perkatakan, sama ada sebagai jawapan kepada suatu soalan atau tidak, boleh dikemukakan dalam keterangan"; dan

(b) suatu kenyataan yang dibuat oleh mana-mana orang sebelum ada masa memberi amaran kepadanya hendaklah jangan dijadikan takbolehditerima dalam keterangan hanya kerana tiada amaran sedemikian telah diberi sekira ianya telah diberi secepat mungkin kemudian.

(2) Dengan tidak menghiraukan apa-apa sebaliknya yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis seorang yang dituduh dengan suatu kesalahan di mana sub-seksyen (1) terpakai hendaklah jangan terikat menjawab mana-mana soalan berkaitan dengan kes setelah mana-mana amaran sedemikian yang tersebut telah diberi kepadanya."

Untuk tujuan persoalan ini perkataan-perkataan penting dalam sub-seksyen (1) berbunyi seperti berikut:

"Di mana mana-mana orang dituduh dengan mana-mana kesalahan apa-apa kenyataan, sama ada kenyataan itu secara

lisan atau secara bertulis, yang dibuat oleh orang itu kepada mana-mana pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas hendaklah boleh diterima dengan keterangan di pembicaraannya."

Tidak ada lain yang boleh menjadi lebih jelas daripada perkataan-perkataan statut ini: suatu kenyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum tangkapannya kepada seorang pegawai polis berpangkat Inspektor ke atas adalah boleh diterima walaupun tidak diturunkan secara bertulis. Suatu kenyataan sedemikian sememangnya adalah boleh diterima hanya sekira ianya dibuat secara sukarela (syarat (a)(i)) dan sekiranya dibuat selepas tangkapan tertuduh telah diberi amaran (syarat (a)(ii)) atau, sekiranya dia tidak diberi amaran, dia diberi amaran secepat mungkin (syarat (b)).

Walau bagaimanapun kesulitan timbul kerana seksyen 112 Kanun Acara Jenayah, kesulitan mana telah dipertimbangkan oleh Mahkamah ini dalam *Abdul Ghani bin Jusoh* lwn. *Public Prosecutor*[18].

Sebelum meninjau kesulitan ini, kami patut sebut bahawa seksyen 113 sekarang tidak dijadikan undang-undang sehingga 1976 oleh Akta A334 Tahun 1976; dan bahawa sebelum itu kaedah umum ialah tiada kenyataan yang dibuat oleh seorang tertuduh kepada seorang pegawai polis semasa perjalanan penyiasatan polis hendaklah diguna dalam keterangan, melainkan untuk tujuan yang terhad sekali yang disebutkan dalam seksyen 113 yang lama. Seksyen yang baru membawa undang-undang kita ke keadaan yang sama seperti di England di mana dalam banyak kes-kes pendakwaan bergantung kepada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh seorang tertuduh kepada polis. Sehingga peruntukan yang baru suatu pengakuan oleh seorang tertuduh dalam tahanan polis telah diterima oleh mahkamah kita hanya sekiranya dibuat kepada seorang majistret.

Sebelum pindaan itu, melalui seksyen 112 (i) seorang pegawai polis yang menyoal seseorang yang sepatutnya tahu fakta dan keadaan kes itu diperlukan menurunkan secara bertulis mana-mana kenyataan yang dibuat oleh orang yang disoal. Juga di bawah seksyen 113 yang lama orang terkemudian ini ditegah menandatangani kenyataannya.

Apabila seksyen 113 yang baru dijadikan undang-undang telah diperuntukkan secara jelas, seperti kami katakan terdahulu, bahawa suatu kenyataan lisan yang dibuat olehnya akan diterima, selalunya dengan syarat berbagai-bagai keperluan yang dibentangkan dalam seksyen itu dipenuhi, dan sub-seksyen (i) seksyen 112 telah tidak disentuhi.

Tidak berapa lama selepas pindaan itu, dalam tahun yang sama Parlimen telah meminda Kanun itu melalui Akta A365 menambah suatu sub-seksyen (v) yang baru kepada seksyen 112 yang berbunyi:

"Suatu kenyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini sama ada atau tidak suatu amaran telah diberi kepadanya di bawah seksyen 113(i) hendaklah, seberapa yang boleh, dicatitkan secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dibubuh dengan capjarinya sepertimana keadaan memerlukan, setelah ianya dibaca kepadanya dalam bahasa mana dia telah membuatnya dan setelah dia diberi peluang membuat mana-mana pembetulan yang dia mungkin inginkan."

Dalam *Abdul Ghani bin Jusoh*[18] kes terhadap kedua-dua perayu mengharapkan kebolehterimaan kenyataan-kenyataan beramaran yang diberi oleh mereka. Tidak satupun dari kenyataan ini telah ditandatangani atau dicapjarikan oleh perayu, tetapi tanpa menghiraukan itu hakim pembicaraan yang arif memutuskan bahawa kenyataan-kenyataan telah dibuat dengan sukarela dan telah menerimanya. Mahkamah ini memutuskan sebaliknya, dengan memutuskan kedua-dua seksyen 112 dan 113 patut dibaca bersama, bahawa suatu kenyataan beramaran takboleh diterima di bawah seksyen 113 sekiranya tidak ditandatangani atau dicapjari oleh tertuduh. Hakim Persekutuan Wan Suleiman, berkata di muka surat 27:

". . . masalah peruntukan ini [subseksyen (v) seksyen 112] dengan jelas ingin mencegah ialah rekaan atau 'pembaikkan' kenyataan-kenyataan oleh pencatitnya. Menurunkan tandatangan pembuat (atau tanda ibu jari) ialah cara antarabangsa untuk menunjukkan kesahannya dan adalah munasabah untuk menjangka keengganan oleh seorang yang disoal untuk mengesahkan suatu kenyataan yang tidak selaras dengan apa dia telah beritahu polis."

Dalam perenggan berikutnya beliau tambah:

"Adalah patut untuk menganggapkan bahawa Parlimen sedar keadaan undang-undang sebelum pindaan ini termasuk nyatakan bahawa seksyen 112(i) telah sebelum tambahan [subseksyen (v)] membuatnya mesti untuk pegawai mencatit 'menurunkan secara bertulis mana-mana kenyataan' yang dibuat oleh orang yang disoal itu. Oleh itu perkataan-perkataan 'seberapa yang boleh, dalam seksyen 112(v) hanya boleh merujuk kepada perbuatan memperolehi tanda-tangan atau tanda ibu jari orang yang disoal, dan bukan kepada rangkaikata 'dicatitkan secara bertulis' suatu perbuatan yang telahpun diperuntukkan oleh subseksyen sebelum itu. Bukanlah susah untuk merenungkan keadaan terkecualai di mana suatu mahkamah boleh juga setelah berpuashati mengenai sebab-sebab kegagalan memperolehi tanda-tanda pengesahan ini, membenarkan ken-

yataan sedemikian diguna untuk tujuan yang seksyen-seksyen 112 dan 113 membenarkannya diguna."

Memandangkan peruntukan-peruntukan di atas dan *Abdul Ghani bin Jusoh*[18] Encik Vijandran menghujjahkan jawapan kepada persoalan ini ialah dalam negatif.

Dengan hormatnya kami berpendapat *Abdul Ghani bin Jusoh*[18] boleh dibezakan. Di sana kenyataan beramaran telah ditolak oleh Mahkamah ini bukan sahaja kerana ianya kenyataan lisan; kenyataan-kenyataan telah diturunkan secara bertulis tetapi Mahkamah tidak berpuashati ianya adalah sah dan kesukarelaannya disyaki, kerana, dalam perkataan Hakim Persekutuan Wan Suleiman, di muka surat 27:

"tiada sebab munasabah ataupun mana-mana sebab samasekali telah dikemukakan kerana kegagalan memperolehi tandatangan (atau tanda ibu jari) tertuduh di atas kenyataan masing-masing."

Perlu diperhatikan bahawa dalam *Abdul Ghani bin Jusoh*[18] soalan di hadapan Mahkamah ini ialah sama ada atau tidak suatu kenyataan yang tidak ditandatangani atau dicapjari oleh tertuduh adalah boleh diterima dan Mahkamah menjawab soalan itu dalam negatif kerana keadaan luarbiasa kes itu, tetapi dalam keadaan yang lain, sekiranya sebagai contoh telah ada suatu penjelasan yang munasbah untuk kegagalan, ianya mungkin boleh diterima. Kes itu tidak membincangkan persoalan yang ada di hadapan kami dalam kes ini, iaitu sama ada atau tidak suatu kenyataan lisan adalah boleh diterima.

Dalam penghakiman kami suatu kenyataan sedemikian *adalah* boleh diterima kerana perkataan-perkataan "seberapa yang boleh" dalam subseksyen (v) seksyen 112. Dengan hormat kepada Hakim Persekutuan Wan Suleiman dalam *Abdul Ghani bin Jusoh*,[18] dalam pandangan kami perkataan-perkataan ini meliputi bukan sahaja perkataan-perkataan "dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dibubuh dengan capjarinya sepertimana keadaan memerlukan," tetapi juga perkataan-perkataan yang terletak sebelum sahaja perkataan-perkataan tadi, iaitu "diturunkan secara bertulis" – jadi dalam pandangan kami walaupun telah ada tanggungjawab di atas Inspektor atau sesiapa yang mencatitkan kenyataan tertuduh untuk menurunkannya secara bertulis, kegagalan berbuat demikian, sekiranya ada suatu penjelasan yang munasabah untuk kegagalan sedemikian, tidak akan dengan sendirinya membuatnya tak boleh diterima. Memutuskan seperti ini ialah untuk menyelaraskan apa yang nampaknya peruntukan-peruntukan yang bercanggahan dalam subseksyen (v) seksyen 112 dan akan menjadikan takberkesan peruntukan jelas dalam subseksyen terkemudian.

Jadi, dalam penghakiman kami, jawapan kepada persoalan ketiga ialah suatu kenyataan lisan yang dibuat oleh seseorang sebelum tangkapannya kepada seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas boleh diterima sebagai keterangan terhadapnya di mana kenyataan tidak diturun secara bertulis, dengan syarat ada suatu penjelasan yang munasabah kerana kegagalan itu.

LIM YEAN LEONG lwn. PENDAKWA RAYA*

[Mahkamah Rayuan (Poyser H.B., Mc Elwaine H.B. (S.S.) dan Terrell H.R.) Mac 1, 1940]
[Selangor – Rayuan Jenayah No. 35/1939]

Acara jenayah – Gabungan Tuduhan – Hukuman atas tuduhan subsidiari – Kanun Acara Jenayah, ss. 163, 164, 165, 166 dan 170.

Si perayu telah dibicarakan atas sepuluh tuduhan, di antaranya, tiga tuduhan utama untuk pecahamanah kesemuanya dilakukan dalam masa dua belas bulan, dan yang lain ialah subsidiari kepada tuduhan utama. Dia dithabitkan atas ketiga-tiga tuduhan utama dan satu tuduhan subsidiari, dan dibebaskan atas tiap-tiap enam tuduhan subsidiari yang lain. Dia dihukum atas keempat-empat thabitan, hukuman itu berkuatkuasa berturut-turut. Si perayu mengatakan tuduhan berbagai itu adalah taksah.

Diputuskan: kecualian yang disebut dalam seksyen 163 Kanun Acara Jenayah adalah bukan saling mengecualikan telapi adalah saling tambah-menambah. Untuk tujuan seksyen itu tuduhan yang subsidiari kepada tuduhan utama boleh dibicarakan bersama dengan tuduhan itu, walaupun dengan berbuat demikian jumlah tuduhan melebihi tiga.

Hukuman atas suatu tuduhan subsidiari patut berjalan serentak dengan hukuman atas tuduhan utama dan bukan berturut-turut.

Kes-Kes yang dirujuk:

(1) *Emperor* v. *Jiban Kristo Bagchi*, I.L.R. 40 Cal. 318.
(2) *Emperor* v. *Sheo Saran Lal*, I.L.R. 32 All. 219
(3) *Emperor* v. *Tribhovandas Purshotamdas Mangrobwala*, I.L.R. 33 Bom. 77.
(4) *Kasi Viswanathan* v. *Emperor*, I.L.R. 30 Mad. 228.
(5) *Krishna Lal Mitra* v. *Emperor*, A.I.R. 1927 Cal. 946.
(6) *Lim Tain Chye* v. *P.P.*, 1 F.M.S.L.R. 228.
(7) *Mohamed Yakub*, A.I.R. 1932 All. 73.

---

*Dialihbahasa dari [1940] MLJ 272, oleh Puan Mimi Kamariah binte Abdul Majid LL.B. (Malaya), LL.M. (Monash), Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.